



■ TENU ada sesuatu yang menggelikan hati diperkatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn (kanan) sehingga Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kiri) dan seorang hadirin di majlis menyambut Maulud Nabi di Bangunan Ibu Pejabat UMNO Kuala Lumpur semalam tertawa.

Datuk Hussein dan Dr. Mahathir serta isteri masing-masing adalah antara 200 orang termasuk beberapa orang Menteri Kaabinet dan Timbalan-timbalan Menteri yang hadir di majlis itu. — Gambar Berita harian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Majlis Maulud anjuran UMNO Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis — UMNO Malaysia malam ini mengadakan majlis menyambut Maulud Nabi, di Ibu Pejabatnya di Jalan Tunku Abdul Rahman, di sini.

Perdana Menteri Datuk Hussein Onn dan Timbalannya, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad serta isteri masing-masing adalah antara kira-kira 200 orang termasuk beberapa orang Menteri kabinet dan Timbalan timbalan Menteri hadir dalam majlis itu.

Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Syed Nasir Ismail dan Menteri Besar Selangor, Datuk Hormat Rafie, Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Datuk Haji Mustapha Jabar dan bekas Setiausaha Agung UMNO, Datuk Senu Abdul Rahman hadir sama.

Sempena dengan majlis maulud itu, diadakan juga majlis tahill untuk Allahyarham Tun Abdul Razak dan para pemimpin UMNO lain yang telah meninggal dunia serta berzanji.

Majlis bermula dengan sembahyang Magrib dan Imamnya ialah Datuk Haji Ahmad Shahir bin Haji Daud, Imam Besar, Masjid Negara.